

08/05/2001

MSAM 2001 berjaya tingkat pelaburan penduduk Kelantan

Veena Rusli; Zainab Mohd Yatim

MINGGU Saham Amanah Malaysia (MSAM) 2001 yang berlangsung dari 20 hingga 24 April lalu di Padang Perdana, Kota Bharu, Kelantan berjaya menarik kira-kira 191,000 pengunjung, angka yang boleh dibanggakan bagi satu acara besar di luar Kuala Lumpur.

Selain kehadiran Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, untuk merasmikan agenda tahunan negara itu dan timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, bagi acara penutup, satu lagi tarikan pastinya menjurus ke arah pengenalan Amanah Saham Didik (ASD) yang baru dilancarkan.

Penduduk sekitar memberi sokongan padu dengan datang berpusu-pusu memenuhi ruang pameran sepanjang sambutan berkenaan.

Malah, kehadiran Menteri Besar Kelantan, Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat dan barisan Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (Exco) membuktikan kerajaan Pas Kelantan pada majlis pelancaran MSAM 2001 menunjukkan sokongan mereka terhadap usaha murni kerajaan mengukuhkan kedudukan ekonomi Bumiputera.

Produk terbaru Permodalan Nasional Bhd (PNB) itu dengan sendirinya menunjukkan iltizam kerajaan dalam menggalakkan golongan Bumiputera supaya merebut peluang melabur dalam saham amanah yang menjanjikan pulangan jangka panjang.

ASD ialah produk ketujuh PNB selepas Amanah Saham Nasional (ASN), Amanah Saham Bumiputera (ASB), Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW 2020), ASN 2, Amanah Saham Malaysia (ASM) dan Amanah Harta Tanah sejak penubuhan badan berkanun itu pada 1978.

Mengekalkan penjualan unitnya kepada kalangan Bumiputera sahaja, golongan sasar ASD pelabur muda berusia daripada enam hingga 17 tahun. Seharusnya usaha PNB mempromosi saham amanah dengan pengenalan produk baru harus mendapat sambutan di kalangan masyarakat negara ini.

Ini kerana segala perancangan yang dilakukan bertujuan untuk memberi pulangan jangka panjang kepada pelabur selaras dengan matlamat meningkatkan ekonomi Bumiputera menerusi Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Pelaksanaan dasar membawa manfaat kepada lebih tujuh juta Bumiputera menerusi pemilikan unit saham dalam skim amanah saham yang diperkenalkan kerajaan.

Sebelum ASD, PNB sudah memperkenalkan ke pasaran enam saham amanah dengan nilai pelaburan terkumpul RM36 bilion unit saham amanah manakala dividen yang dibayar kepada pelabur sudah melebihi RM33 bilion.

Daripada jumlah unit yang sudah dijual itu, sebanyak RM4 bilion dibeli oleh pelabur bukan Bumiputera menerusi Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW 2020) dan Amanah Saham Malaysia (ASM) yang mana setakat ini tiga bilion unit saham sudah habis dijual.

Dana saham amanah anjuran PNB termasuk Amanah Saham Nasional (ASN), Amanah Saham Nasional II (ASN II), Amanah Saham Bumiputera (ASB), Amanah Saham Wawasan 2020 (ASW 2020), Amanah Saham Malaysia (ASM), Amanah Harta Tanah dan ASD.

Selain itu, ada 30 buah syarikat pengurusan saham amanah beroperasi di negara ini.

Sehubungan dengan itu, masyarakat Bumiputera perlu merebut peluang yang sedia ada dan mengikis sikap kurang bersungguh-sungguh dalam merebut peluang membuat pelaburan, berbanding kalangan bukan Bumiputera.

Langkah PNB keluar daripada ibu kota untuk mempromosi kegiatan pelaburan saham juga patut dipuji.

Pengerusi Kumpulan PNB, Tan Sri Ahmad Sarji Abdul Hamid menyifatkan sambutan yang diterima sangat menggalakkan, walaupun angkanya kurang daripada sasaran awal iaitu seramai 200,000 pengunjung.

"Kehadiran pengunjung menghampiri sasaran kami, sekali gus memberi semangat kepada kami untuk meneruskan sambutan pameran sedemikian di negeri lain pada tahun-tahun yang akan datang," katanya di majlis penutup MSAM 2001.

Abdullah dalam ucapan penutup menyifatkan sokongan yang ditunjukkan kepada MSAM kali ini menggambarkan perubahan sikap menabung yang ketara di kalangan masyarakat Bumiputera luar bandar.

"Walaupun industri saham amanah dianggap baru bagi kalangan masyarakat Bumiputera negara ini, tetapi sudah ada perubahan sikap yang ketara di kalangan mereka dalam amalan menabung masyarakat luar bandar," katanya.

Sehubungan itu, kata Abdullah, program MSAM perlu diadakan secara berterusan untuk menyedarkan masyarakat tentang peranan dan kepentingan melabur dalam saham amanah kepada pembangunan ekonomi rakyat dan negara.

Seperti diumumkan sebelum ini, sambutan MSAM akan dijadikan acara tahunan dan ia akan diadakan selama empat hari berturut-turut setiap tahun pada 20 hingga 24 April.

Kejayaan sambutan acara yang sama sesungguhnya menggambarkan penerimaan masyarakat terhadap MSAM yang pertama diadakan tahun lalu di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur.

Pengarah Eksekutif Kumpulan PNB, Datuk Hamad Kama Piah Che Othman, yang ditemui pemberita selepas majlis penutup berkata, PNB masih belum membuat keputusan mengenai lokasi MSAM tahun depan.

Katanya, pemilihan lokasi bergantung kepada kriteria tertentu yang sudah ditetapkan oleh jawatankuasa penganjur.

Untuk sambutan di Kelantan, MSAM 2001 dianjurkan bersama Persekutuan Pengurus-pengurus Samah Amanah Malaysia (FMUTM). Aktiviti utama MSAM 2001 yang berlangsung di Padang Perdana, Kota Bharu, sepertimana sambutan kali pertama yang di adakan di Pusat Dagangan Dunia, Kuala Lumpur tahun lalu, termasuk pameran produk dan perkhidmatan.

Pameran itu turut menyaksikan penyertaan sebanyak 109 ruang pameran dipenuhi oleh syarikat di bawah naungan PNB, termasuk agensi berkaitan pelaburan saham yang mengambil bahagian mempromosi produk dan perkhidmatan masing-masing.

Kehadiran Dr Mahathir pada majlis pembukaan MSAM 2001, ternyata menjadi daya tarikan utama pengunjung. Dari sambutan yang diberikan, Perdana Menteri, jelas mendapat tempat di hati masyarakat umum di Kelantan.

Selain daripada aktiviti di tapak pameran utama, acara selingan turut diadakan seperti aktiviti kesenian yang membabitkan rakyat seperti persembahan permainan gasing, tarik tali dan berpantun.

Golongan kanak-kanak dan pelajar iaitu generasi penting masa depan, juga turut di beri perhatian.

Pertandingan Debat Antara Sekolah Menengah dan Universiti serta kuiz turut mewarnai acara ulung yang pernah diadakan di Negeri Che Siti Wan Kembang itu.

(END)